

11 MAY 2000

Umno-rasmi

PERHIMPUNAN AGUNG KE-54 BERMULA

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Majlis perasmian Perhimpunan Agung Umno ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini bermula pagi ini dengan upacara tradisi menaikkan bendera parti oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebelum itu, beliau memeriksa perbarisan Pemuda dan Wanita Umno.

Upacara yang berlangsung di Dataran Umno itu turut dihadiri oleh 1,000 pemimpin dan anggota parti.

Perhimpunan agung kali ini disertai oleh 2,018 anggota perwakilan yang akan memilih tiga Naib Presiden dan 25 anggota Majlis Tertinggi.

Perhimpunan kali ini juga disiarkan secara langsung menerusi saluran TV Umno ke semua pejabat parti negeri.

Dengan selesainya pemilihan Wanita dan Pemuda Umno semalam, perhatian kini tertumpu kepada pemilihan untuk tiga jawatan Naib Presiden daripada sembilan calon.

Yang bertanding termasuk dua penyandang iaitu Datuk Seri Najib Razak dan Tan Sri Muhammad Muhamad Taib. Yang lain ialah Datuk Seri Abu Hassan Omar, Datuk Osu Sukam, Tan Sri Mohamed Isa Samad, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Datuk Dr Rais Yatim, Datuk Abdul Ghani Othman dan Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Bagi jawatan Presiden, perhimpunan ini akan mengesahkan mandat yang diberikan oleh bahagian-bahagian kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk terus menerajui parti tanpa pertandingan.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Ahmad Badawi pula akan disahkan sebagai Timbalan Presiden setelah dicalonkan oleh 162 bahagian.

Jawatan itu kosong berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada parti pada September 1998.

Wakil-wakil bahagian juga akan memilih 25 anggota MT daripada 63 calon.

Perhimpunan kali ini adalah yang pertama selepas pilihan raya umum 1999 yang menunjukkan kemerosotan undi yang diperolehi UMNO walaupun Barisan Nasional memenangnya dengan lebih dua pertiga.

UMNO yang menguasai 89 kerusi Parlimen sebelum pilihan raya umum lepas mampu mempertahankan 72 kerusi.

--BRNAMA

NZ ARA ZKS MAI